

Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 33 Apr-Jun 2010 | ISSN : 1675 - 2651



Lawatan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sidek Hassan



Pusat Rawatan



Hadiah besar buat UNIMAS



UNIMAS Anjur Kejohanan Golf IPT ke 38

L9
173
K63
P466
APR JUN
2010

Wacana Ketua Editor

Asalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Masa berlalu begitu pantas. Tanpa disedari, pertengahan 2010 telah pun berlalu. Kejayaan manis dilalui apabila UNIMAS membuktikan keunggulannya dalam bidang penyelidikan setelah berjaya merangkul anugerah pada International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2010 dengan merangkul tiga pingat emas, empat belas pingat perak dan tiga pingat gangsa. Tahniah buat para pemenang.

UNIMAS pada pertengahan tahun ini juga telah menerima lantikan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS yang baru, iaitu Datu Dr Hatta Solhi yang menggantikan YBhg Tan Sri Bujang Nor yang telah menyumbangkan bakti sepanjang 16 tahun penubuhan UNIMAS. Temubual bersama Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru boleh diikuti dalam keluaran Persada Khas Konvo yang akan diedarkan pada Oktober 2010 nanti.

Seperti biasa, pelbagai peristiwa mewarnai suku kedua tahun 2010. Dan UNIMAS amat berbangga apabila menerima kunjungan daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan pada 7 Mei 2010. Kejohanan golf IPT ke-38 menjadi pemanis bagi suku kedua tahun ini; walaupun tidak memenangi apa-apa anugerah, UNIMAS berbangga kerana diberikan kepercayaan untuk menganjurkan kejohanan golf yang berprestij ini buat kali ke-2.

Semoga terus maju jaya. Sekian terimakasih.

Mutiara Kata

“Semulia-mulia manusia ialah siapa yang mempunyai adab, merendahkan diri ketika berkedudukan tinggi, memaafkan ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat.
(Khalifah Abdul MALIK bin Marwan)”

“Belajar tanpa berfikir tidak ada gunanya, berfikir tanpa belajar adalah berbahaya”

“Fikiran yang terbuka dan mulut yang tertutup merupakan suatu kombinasi kebahagiaan”

“Tidak ada simpanan yang lebih berguna daripada ilmu.
Tidak ada sesuatu yang lebih beruntung daripada adab.
Tidak ada kawan yang lebih bagus daripada akal.
Tidak ada benda ghaib yang lebih dekat daripada maut.”

Editorial

Penasihat

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
Prof Dr Fatimah binti Abang
Prof Dr Peter Songan
Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman
Encik Ahmad bin Katang

Ketua editor

Resni Mona

Sidang Editorial

Rabiah Bujang
Norinda K. Su'ut
Sarena Haidir
Erwandi Bujang Senawi
Farahani Haini (Pelajar Praktikal UITM)

Pereka

Haidher Ahmad

Jurufoto

Hj Bujang Mohamad
Azlandy Mohammid Ali Tuah


Edaran

Roderick Rojis

Penerbit

Bahagian Penerbitan
Aras 5
Bangunan CAUH
Universiti Malaysia Sarawak

Pelantikan Baru **Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS**



Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor
(5 Februari 1993-30 April 2010)



Datu Dr Hatta Solhi
(Bermula 1 April 2010)

Pada .1 Mei 2010 Datu Dr Hatta Solhi telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS yang baru, menggantikan Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor yang telah memikul tanggungjawab sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS sejak penubuhannya pada tahun 1993.

Kerjasama Staf Tingkatkan Martabat UNIMAS: Prof Dr Khairuddin Ab Hamid

Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dr. Khairuddin Ab Hamid memberitahu dengan kerjasama semua staf, maka usaha meningkatkan martabat Unimas di peringkat global akan mudah dicapai.

Beliau berkata, meskipun sering dilanda oleh kekangan seperti masalah kewangan, namun jika adanya kerjasama dari semua staf, maka perancangan dapat direalisasikan secara lebih teratur.

“ Kita mahu Unimas dikenali bukan sahaja sebagai sebuah universiti yang berdaya saing tetapi juga berdaya kualiti yang tinggi,” katanya.

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Pendaftar, Encik Ahmad Katang dalam majlis perasmian bengkel Rangka Kerja Logikal di Dewan Santapan, Kampus Timur pada 7 April lepas. Menurut Prof Dr Khairuddin sebagai contoh penerapan sistem ‘Balance Frame Score’ yang kini sedang dilakukan oleh Unimas, akan diambil kira di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Beliau berkata, ia sekaligus membantu Unimas melahirkan staf yang berkualiti selain graduan yang berdaya saing dan diterima dalam pasaran kerja kelak.

Bengkel satu hari itu yang disertai oleh staf Unimas itu diadakan dalam tiga sesi iaitu sesi pertyama dengan kertas kerja bertajuk ‘Towards Understanding Unimas BSC’, sesi kedua, ‘Guidance for Preparing the Logical Framework’ dan sesi ketiga, peserta diminta membentangkan sesi pembelajaran secara berkumpulan.



Empat Pegawai SUKSIS Terima Sijil Perlantikan



Empat Pegawai Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) Unimas telah menerima sijil perlantikan Pegawai Kehormat Suksis dalam satu majlis ringkas pada 8 April di Rumah Universiti, Unimas.

Antara penerima sijil perlantikan sebagai Pegawai Kehormat SUKSIS itu ialah Komandan Kor Suksis Unimas, ACP/KS Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Ajutan Kor Suksis, DSP/KS Haji Mohd Zaki Gadafi Ibrahim, Pegawai Latihan Luar, ASP/KS Yaman Haji Hassan dan Pegawai Latihan Akademik, ASP/KS Rajan Thanga Veloo.

Majlis penyerahan sijil kepada keempat-empat pegawai kehormat yang dipilih itu telah dilakukan oleh Pesuruhjaya Polis Kontinjen Sarawak, DCP Dato’ Mohamad Salleh.

Dalam ucapan ringkas, Dato’ Mohamad Salleh berkata perlantikan itu secara langsung dapat mengeratkan lagi kerjasama khususnya dalam konteks perkongsian maklumat dan kepakaran. Katanya, adalah menjadi agenda PDRM untuk memastikan pembanterasan jenayah dilakukan bukan sahaja oleh agensi keselamatan itu sendiri bahkan kerjasama dari semua masyarakat. Beliau turut berbangga dengan kesungguhan UNIMAS dalam mewujudkan Kor Sukarelawan seperti SUKSIS dalam universiti berkenaan. Menurut beliau, penubuhan Kor Sukarelawan Polis akan menerapkan disiplin ilmu yang lain dalam usaha memartabatkan pasukan, institusi dan negara.



UNIMAS Rasmi Pusat Rawatan Harian

UNIMAS bercadang membina hospital sendiri menjelang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk memperluaskan operasi Unimas dan menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada semua. Pengerusi Lembaga Unimas pada ketika itu, Tan Sri Datuk Amar (TSDA) Haji Bujang Mohd Nor berkata, kertas cadangan telah dihantar kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan berharap keputusan menyebelahi Unimas.

Sebelum itu, beliau telah merasmikan Pembukaan Pusat Rawatan Harian Unimas dan Pusat Penjagaan Ambuatori (ACC) swasta yang pertama di negeri ini, pada 30 April lepas. TSDA Haji Bujang Mohd Nor dalam ucapan perasmianya berkata adalah menjadi hasrat Unimas untuk membantu masyarakat mendapat rawatan kesihatan yang baik dengan bayaran yang berpatutan.

Beliau berkata pusat rawatan itu menawarkan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, sekunder dan berteknologi maju

yang menyediakan rawatan dari lebih dua puluh orang doktor dan pakar tempatan.

Tambahnya lagi, kos pembinaan pusat rawatan harian Unimas yang dibiayai oleh Sebayor Holdings Sdn Bhd mungkin suatu ketika nanti akan ditukar nama kepada Sebayor Medical Centre. Beliau berkata, antara rawatan yang disediakan di pusat rawatan harian tersebut ialah radiologi, ortopedik, ginekologi, pediatrik, kardiologi, obstetrik dan pembedahan kecil.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dr. Khairuddin Ab. Hamid, Pengerusi Sebayor Holdings Sdn Bhd dan Unimas Medic Sdn Bhd, Datu Stephen Wan Tet Kyung, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Fatimah Abang dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Mohd Fadzil Abd Rahman.

Kem 'Infosys' di UNIMAS



Lebih seratus orang peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di negara ini telah menyertai "Infosys Campus Connect Foundation Program" yang dirasmikan pada 16 Mei lepas di Dewan CTF1, Unimas.

Program tersebut merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Pembangunan Multimedia Malaysia (MIDEC) dan Infosys Technologies Limited, India.

Ia merupakan kerjasama strategik bagi membangun dan melaksanakan program yang menjurus kepada kualiti dan kuantiti industri teknologi maklumat di peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

Teras utamanya berkaitan dengan program asas di mana program latihan direka oleh Jabatan Penyelidikan dan Pendidikan untuk persediaan pelajar yang akan menamatkan pengajian mereka sebelum menghadapi bidang tugas sebenar seperti projek berkaitan pelangan.

Malaysia telah menghantar kumpulan kedua pelatih ke India di Infosys Global Education Centre di Mysore.

Sehubungan itu, Unimas telah dipilih sebagai penganjur bersama Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, untuk melatih kumpulan keempat bagi latihan sama seperti konsep sistem perisian dan perkakasan komputer, pembangunan perisian metodologi, teknologi laman internet dan sebagainya.

UNIMAS menterai MoU dengan Universiti Normal Qinghai (UNQ)

UNIMAS telah mementerai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pendidikan dengan Universiti Normal Qinghai (UNQ), China pada 10 Mei lepas di Rumah Universiti, Unimas. Unimas telah diwakili oleh Naib Canselor, Prof Dr. Khairuddin Ab. Hamid manakala UNQ diwakili oleh Presidennya, Encik Xie Fugeng sambil disaksikan oleh Konsulat China di Kuching Dong Jiaping dan Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr Hatta Solhi.

Dalam MoU itu, Unimas akan melakukan pertukaran pelajar dengan UNQ selain bekerjasama dalam perkara berkaitan kepakaran, penyelidikan dan idea. Sebagai permulaan, katanya, Unimas bercadang melakukan pengambilan pelajar dari UNQ seramai 50 orang pada masa akan datang. Sehingga kini, seramai lapan pelajar dari universiti berkenaan telah melanjutkan pelajaran di Unimas dalam Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Dalam bidang penyelidikan pula, Prof Dr. Khairuddin berkata, Unimas dan UNQ akan mengenalpasti projek penyelidikan bersesuaian seperti isu alam sekitar, pengawalan penyakit dan sebagainya.

UNIMAS tandatangani MoA bersama JKR Malaysia

Satu majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) telah dilakukan di antara UNIMAS dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bagi menjalankan penyelidikan bersama projek 'Sustainable Instream Horizontal Micro Hydro Turbine Generator' (Jarimas) pada 31 Mei lepas bertempat di Rumah Universiti, UNIMAS. MoA tersebut ditandatangani bersama oleh Naib Canselor Unimas, Prof Dr Khairuddin Abd Hamid dan Ketua Pengarah JKR Malaysia, Dato' Sri Prof Ir Dr Judin Abdul Karim.

Menerusi MoA tersebut, seramai sepuluh orang pelajar dan staf JKR Malaysia akan berpeluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di UNIMAS. Dalam ucapan ringkas, Dato' Sri Prof Ir Dr Judin berkata, perjanjian itu merupakan julung kali dilaksanakan secara kerjasama antara JKR Malaysia dengan Institut Pengajian Tinggi Awam.

Menurut beliau, teknologi hijau merupakan pendekatan terbaik dalam usaha melestarikan alam sekitar pada masa kini. Beliau menambah, projek penyelidikan itu juga akan mewujudkan satu dimensi baru untuk meng-eksploitasikan potensi sungai dalam menjana tenaga hijau bersih yang boleh diperbaharui dan mesra alam.

Prof Dr Khairuddin dalam ucapannya berkata projek penyelidikan itu akan memberi manfaat kepada sekolah di luar bandar dan membantu kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan penyediaan prasarana asas kepada penduduk kampung. Beliau turut berharap projek berkenaan akan membuka peluang penyelidikan lain pada masa hadapan antara JKR dan Unimas.



EnCon2010

tepati masa kumpulkan jurutera



Empat ratus orang jurutera dan penyelidik di serata dunia telah menyertai persidangan Kejuruteraan kali ke-3 2010 (EnCon2010) yang telah diadakan pada 14 hingga 16 April lepas. Persidangan anjuran Fakulti Kejuruteraan UNIMAS itu, telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar, Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg. Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof.Dr.Khairuddin Ab. Hamid.

EnCon2010 memberi tumpuan khas kepada golongan saintis, penyelidik, jurutera dan ahli akademik dengan tema persidangan bertajuk 'Advancement in Mechanical and Manufacturing Engineering for Sustainable Environment'. Persidangan itu telah mengumpul 93 penemuan baru dengan 18 sesi perbincangan mencakupi topik berkaitan robotik, mekatronik dan pengautomosian, tenaga dan

sebagainya. Dalam ucapan, Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg berkata tepat pada masanya semua pakar berkaitan kejuruteraan dikumpul untuk membantu kerajaan membangunkan sistem pengangkutan di bahagian Kuching. Beliau berkata, sistem pengangkutan adalah penting dan sebagai nadi pembangunan untuk mana-mana negara di dunia ini.

Naib Canselor UNIMAS, Prof.Dr.Khairuddin Ab. Hamid dalam ucapan di majlis yang sama berkata, usaha UNIMAS mengumpul para pakar kejuruteraan di seluruh dunia di dalam EnCon2010 adalah contoh terbaik dan diharap persidangan begini akan diperbanyakkan pada masa akan datang. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan menjelang tahun 2015 khususnya dalam bidang strategik berteraskan inovasi, kata Prof. Dr. Khairuddin.

Beliau berkata, kekuatan dan kepakaran UNIMAS dalam pelbagai bidang tertentu seperti penyelidikan tenaga yang boleh diperbaharu, diiktiraf dan dipercayai oleh pihak industri dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan. "Antara langkah yang akan dilaksanakan ialah menubuhkan dua lagi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi serta menaik taraf sekurang-kurangnya satu Pusat Kecemerlangan UNIMAS ke peringkat Kementerian Pengajian Tinggi atau Nasional dalam masa dua tahun," katanya.



Sembilan Puluh Penemuan Baru Dalam APSITT 2010



Simposium Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Asia Pasifik (APSITT 2010) telah diadakan di Pusat Peranginan Damai selama dua hari bermula 15 hingga 17 Jun lepas. Simposium tersebut yang dirasmikan oleh Menteri Muda Pelancongan dan Warisan, Datuk Haji Talib Zulpilip itu, telah berjaya mengumpul sembilan puluh penemuan baru sekaligus menarik lebih seratus orang ahli akademik terdiri daripada jurutera dan penyelidik dari negara luar. Simposium yang diadakan dua kali setahun itu dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Organisasi APSITT dan Jurutera Komunikasi Institut Elektronik, Informasi dan Maklumat (IEICE) Jepun dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Dalam ucapan, Datuk Haji Talib Zulpilip berkata pembangunan ICT dan infrastruktur di negeri ini akan dipertingkatkan termasuk di kawasan luar bandar untuk mendedahkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang komunikasi. Beliau berkata, ia juga membuka peluang untuk bertukar-tukar pendapat selain menjalinkan kerjasama serantau terutama berkaitan lapangan maklumat dan telekomunikasi. Intipati simposium telah dibentangkan oleh Profesor Dr. Osaki dari Jepun dan Encik Aisharuddin dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) manakala penceramah jemputan Profesor Tomonori Aoyama dari Universiti Keio Jepun membentangkan topik “ICT Paradigm Shift in 2010”.



Lawatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan



Gambar beramai-ramai bersama Pengurusan Tertinggi UNIMAS serta dan Dekan dan Pengarah Fakulti dan Pusat di UNIMAS





'Terimakasih' Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Tan Sri Sidek Hassan (kanan).



Program “Second Steel Lecture Series 2010”

Pada 17 Jun 2010 yang lalu bertempat di Auditorium CAIS UNIMAS, Institut Kejuruteraan Malaysia cawangan Sarawak bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Curtin cawangan Sarawak telah menganjurkan “Second Steel Lecture Series”. Seminar tersebut disertai oleh 75 orang peserta yang terdiri daripada kontraktor, pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dalam bidang Kejuruteraan. Professor Madya Dr. Chiew Sing Ping dari Universiti Nanyang Singapura telah dijemput untuk memberikan ceramah kepada para peserta. Beliau merupakan Ketua Bahagian Struktur dan Mekanikal, kejuruteraan Sivil dan Persekitaran.

Program ini yang mendapat tajaan daripada syarikat Bluescope Steel (M) Sdn. Bhd dan EcoSteel Sdn. Bhd ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta akan penggunaan besi dalam bidang pembinaan. Pengarah Pusat Pindahan Teknologi dan Perunding, Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Haji Awangku Yusuf berkata, penggunaan besi untuk tujuan pembinaan di Sarawak masih baru. Tambah beliau lagi, jumlah syarikat pembekal besi untuk pembinaan juga masih berkurangan.



Pengerusi bukan Eksekutif, Institut Jantung Negara



Tahniah! kepada Yg Bhg Tan Sri Prof Datu Dr Hj Mohd Taha Arif yang telah dilantik sebagai Pengerusi bukan Eksekutif, Institut Jantung Negara, berkuatkuasa 1 April 2010 bagi tempoh dua tahun. Dr Mohamad Taha, Dekan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS merupakan bekas Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Anak jati Sarawak ini menamatkan pengajian beliau pada tahun 1974 di Universiti Malaya dan memulakan kerjaya awal di pedalaman Sarawak.

Bermula dengan pelantikan beliau sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Sarawak sekembalinya daripada University of Glasgow dalam tahun 1980, selepas menamatkan pengajian sarjana dalam bidang Kesihatan Awam; dedikasi dan komitmen beliau menyaksikan

beliau terus memikul tugas-tugas besar dalam Kementerian Kesihatan. Dari peringkat negeri hinggalah ke peringkat negara, akhirnya pada tahun 2005, beliau bersara sebagai Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.



Sepanjang penglibatan beliau dalam Kementerian Kesihatan, beliau, antara lain, telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh UNIMAS pada tahun 2002 atas sumbangan besar beliau dalam bidang Sains. Juga pada tahun 2004, beliau telah menerima Anugerah Individu "World No Tobacco Day" daripada Regional Director Western Pacific Region, WHO. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Dekan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS.

Minat beliau dalam isu kawalan penyakit amat jelas dari awal penglibatan beliau dalam Kementerian Kesihatan dimana beliau terlibat aktif dalam kawalan penyakit kolera, kepialu, denggi, penyakit kuku dan mulut, Enterovirus 71, virus Nipah dan selsema burung. Minat ini diteruskan selepas beliau bersara dan menyertai UNIMAS dan telah menyaksikan beliau dianugerahi dengan Anugerah Asia-Pacific Academic Consortium of Public Health (APACPH) dalam tahun 2008.

Dan sekali lagi, sebagai mengiktiraf pengalaman luas beliau dalam bidang kesihatan, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi bukan Eksekutif, Institut Jantung Negara oleh Kementerian Kewangan pada tahun ini. Sekali lagi, tahniah!



SEMINAR PENGURUSAN BAHAN BUANGAN PEPEJAL



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan satu seminar bertajuk “Developing A Green Sarawak Through Its Sustainable Waste Management” yang berlangsung dari 23-24 Jun 2010 bertempat di CAIS UNIMAS, Kota Samarahan. Seminar tersebut dianjurkan bertujuan untuk member informasi dan maklumat kepada masyarakat mengenai senario dan pengurusan sistem bahan buangan pepejal di negeri ini. Seminar yang dirasmikan oleh Setiausaha Kementerian Kesihatan dan Alam Sekitar, Dr. Penguang Manggil seterusnya diikuti dengan pembentangan kertas kerja pertama mengenai “Pengurusan Bahan Buangan Bandar Moden”.

Beliau meminta semua pihak agar bekerjasama dalam menjaga alam sekitar melalui pembuangan bahan pepejal dengan betul. Turut hadir Naib Canselor UNIMAS Prof. Dr. Khairuddin Ab. Hamid, Pengarah Sumber Manusia

dan Pentadbiran, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd Cik Alice Lee, Pengawai Pengawasan Lembaga Sumber Alam (NREB) Encik Peter Sawal, serta Pengarah Institut Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti (IBEC) UNIMAS, Professor Dr. Alex Tuen.

Seminar tersebut membentangkan lima kertas kerja bertajuk “Characteristics and Impacts of Public Waste Disposal Habits, Improvement in Solid Waste Management through Research dan Development, Safe Disposal of Municipal Waste through Modern Landfills and Incineration of Solid Waste: An Alternative to Safe Disposal.” Selain itu, bengkel dan demonstrasi “Composting with Effective Micro-organisms, Methods of Waste Reduction at Home, Making New Out of Old Demonstration dan Understanding Modern Sanitary Landfill” turut

diadakan. Sebelum seminar tersebut berakhir, satu pertandingan “Waste to Art” diadakan diikuti dengan bengkel “How you Can Contribute Towards Better Waste Management”.



UNIMAS Sediakan Teratak Untuk Masnita

UNIMAS telah menyediakan sebuah rumah khas dipanggil 'Teratak Unimas' untuk Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bertempat di Kampus Timur, UNIMAS. Perasmian Teratak Masnita telah dilakukan oleh Penaung Masnita, Dato' Sri Puan Sri Dayang Hajjah Lela Abang Haji Zawawi, pada 26 April lepas. Dato' Sri Puan Sri Dayang Hajjah Lela berharap agar Masnita meneruskan usaha membantu Unimas dalam mencapai visi dan misi di masa hadapan.

“ Adalah diharap supaya semua kakitangan terutama kakitangan wanita di universiti ini menyertai dengan Masnita. Beliau turut menasihati ahli Masnita menjaga kesihatan diri dan bijak mengimbangi antara tugas sebagai ahli Masnita dan tugas sebagai isteri dan ibu di rumah. Terdahulu, Yang DiPertua Masnita, Puan Dayang Mariani Abg Hj Zain memberitahu teratak itu telah menyuntik semangat kepada Masnita untuk lebih aktif di masa akan datang. Beliau berkata, teratak itu akan digunakan untuk bermesyuarat, berkumpul dan melakukan aktiviti. Masnita telah ditubuhkan pada 7 Februari 2001 dan sehingga kini, jumlah ahli yang berdaftar di dalamnya seramai lebih 200 orang terdiri dari isteri dan kakitangan Unimas sendiri. Turut hadir pada majlis perasmian Teratak Masnita ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof.Dr.Khairuddin Ab. Hamid.





Kejohanan Golf IPT Ke38

Buka Ruang Kerjasama :Prof Dr Khairuddin



UNIMAS telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran Kejohanan Golf Antara IPT Malaysia Ke38 selama dua hari bermula 5 hingga 6 Jun lepas bertempat di Kelab Golf Sarawak dan Sarawak Club Golf & Resorts, Kota Samarahan, Sarawak. Sebanyak dua puluh IPT telah menghantar peserta dalam kejohanan tersebut yang diiktiraf sebagai kejohanan rasmi untuk semua institusi pengajian tinggi di negara ini. Naib Canselor Unimas, Prof Dr Khairuddin Abl Hamid berkata kejohanan tersebut dapat mewujudkan kerjasama di antara IPT yang bertanding. Menurut beliau, universiti hanya dapat bergerak dan mencapai pengiktirafan di peringkat tertinggi jika melalui suatu persaingan yang sihat dan kerjasama yang strategik.

"Kerana itu, persetujuan untuk menganjurkan kejohanan itu secara bergilir-gilir antara IPT di Malaysia menunjukkan bahawa semua universiti mampu mencapai kata sepakat dalam usaha meneruskan kejohanan sukan yang berprestij ini," katanya

semasa berucap pada majlis penutupan dan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Ketua Menteri, Pehin Sri Dr Haji Taib Mahmud. Prof Dr Khairuddin berkata pencapaian kata sepak dalam penganjuran kejohanan sedemikian adalah menjadi visi bagi setiap universiti dan mengeratkan hubungan antara universiti di negara ini. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua IPT yang telah memberi kerjasama baik kepada Unimas dan berharap hubungan persahabatan dan kerjasama terus terjalin pada masa akan datang.



Pasukan bola sepak UNIMAS berjaya menundukkan pasukan Universiti Teknologi Swinburne dalam perlawanan pertama Liga Bola Sepak Piala YB Menteri Pengajian Tinggi 2010.

Perlawanan sengit menyaksikan dua pasukan gergasi peringkat IPT itu telah diadakan pada 28 Mac lepas bertempat di Stadium Mini Kota Samarahan.

UNIMAS menang bergaya di tempat sendiri apabila berjaya menjaringkan tiga mata gol pada awal babak pertama lagi. Kejayaan menjaringkan gol tersebut dibawa sehingga ke babak penamat yang menyaksikan Universiti Teknologi Swinburne terpaksa akur kepada kehebatan pasukan tuan rumah.

Atlit UNIMAS Bukti Kemampuan Dalam MASUM Fasa II

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah berjaya merangkul tiga pingat emas dan satu pingat perak dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa II.

Kejohanan MASUM tersebut telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama satu minggu bermula 23 hingga 30 Mei 2010. UNIMAS telah menghantar 57 orang atlit dan dua orang pegawai untuk bertanding di dalam beberapa acara sukan utama seperti boling padang, silat, taekwondo, futsal wanita dan lain-lain.

Sebanyak dua puluh buah pasukan telah berentap dalam kejohanan tersebut yang mana majlis penutupannya telah dilakukan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Dewan Tertutup Nilai.

Hadiah besar buat UNIMAS



Penyelidik UNIMAS menang besar dalam 'International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2010' setelah berjaya merangkul tiga pingat emas, empat belas pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Prof Dr Pang Sung Chem dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) mengungguli kemenangan apabila berjaya memperolehi dua pingat emas dengan dua ciptaannya bertajuk '*Flexible Thin-Film Electrochemical Capacitor and a Method of Fabrication Thereof*' dan Novel Starch-Based Gel Electrolyte (*SbGE*) Films derived from Native Sago Starch. Turut menyumbangkan pingat emas kepada UNIMAS ialah Dr Chin Suk Fun juga dari FSTS dengan ciptaan bertajuk '*Surface Functionalization of Superparamagnetic Nanoparticles for Biomedical Application*'.

Empat belas pingat perak disumbang oleh Cik Norhayati Suleiman (dua pingat perak), Dr Nazlina Shaari, Dr Ng Giap Weng, Dr Ho Wei Seng, Dr Saiful Bahari Mohd Yussof, Dr Edwin Mit, Prof Dr Pan Kok Long, Assoc Prof Dr Edund Sim Ui Hang, Dr Thelaha Masri, Dr Jane Labadin, Dr M Shahidul Islam, Shahrol Mohamaddan, Assoc Prof Dr Norsiah Fauzan. Manakala pingat gangsa dimenangi oleh Assoc Prof Dr Hong Kian Sam, Dr M Shahidul Islam dan Dr Saiful Bahari Mohd Yussof.



Senarai Pemenang Anugerah ITEX dari UNIMAS

Bil	Nama Pemenang	Kajian/Ciptaan	Pingat
1	Prof Madya Dr Pang Suh Chem	Flexible Thin-Film Electrochemical Capacitor and a Method of Fabrication Thereof	Emas
2	Prof Madya Dr Pang Suh Chem	Novel Starch-Based Gel Electrolyte (SbGE) Films derived from Native Sago Starch	Emas
3	Dr Chin Suk Fun	Surface Functionalization of Superparamagnetic Nanoparticles for Biomedical Application	Emas
4	Norhayati Suleiman	Smart Kindy Wear: Practical Pre-School Uniform	Perak
5	Dr Nazlina Shaari	DIY Smart Pattern	Perak
6	Norhayati Suleiman	Indigenous Attire Design for Paralysis patients	Perak
7	Dr Ng Giap Weng	Augmented Reality Goes Mobile	Perak
8	Dr Ho Wei Seng	Building Research Capacity for Planted Forest Development in Sarawak	Perak
9	Dr Saiful Bahari Mohd Yussof	Automotor	Perak
10	Prof Dr Pan Kok Long	A Foot rest/exercise device to reduce the incidence of Economy Class Syndrome	Perak
11	Dr Edmund Sim Ui Hang	Genetic Markers for Cancer	Perak
12	Dr Thelaha Masri	Re-Invention and Re-Construction of Simulong Ulu Micro Hydro Systems	Perak
13	Dr Edwin Mit	English-Iban Machine Translation	Perak
14	Dr Jane Labadin	Comparison of Simulated Malaria Transmission Model with Acquired Immunity Malaria Cases in Malaysia	Perak
15	Dr M Shahidul Islam	Nanotechnology for Wastewater Treatment	Perak
16	Shahrol Mohamaddan	Finger Rehabilitation Device for Post Stroke Patient	Perak
17	Prof Madya Dr Norsiah Fauzan	Neuro-Feedback Device for Training The Disable Child	Perak
18	Prof Madya Dr Hong Kian Sam	Number Right Elimination Testing (NRET) For Multiple Choice Questions	Gangsa
19	Dr M Shahidul Islam	Application of Nano Technology in Manufacturing Process	Gangsa
20	Dr Saiful Bahari Mohd Yussof	Smart Chair	Gangsa

Bahagian Penerbitan
Aras 5
Bangunan CAUH
Universiti Malaysia Sarawak